



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

Ekosistem Kondusif Sektor Awam Perpustakaan Negara Malaysia

EKSA
PNM 

EDISI KEDUA





Garis Panduan Pelaksanaan



EKSA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

EDISI KEDUA

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa,
Perpustakaan Negara Malaysia
Kuala Lumpur
2023

Cetakan Pertama- Edisi Pertama (Elektronik) : 2022

Cetakan Kedua - Edisi Kedua (Elektronik) : 2023

© Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Garis Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam Perpustakaan Negara Malaysia: EKSA PNM.

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-931-373-4

1. Perpustakaan Negara Malaysia--Handbooks, manuals, etc.
2. Quality assurance--Handbooks, manuals, etc.
3. Total quality management--Handbooks, manuals, etc.
4. Government publications--Malaysia.
5. Electronic books.
658.4013

Penerbit:

Perpustakaan Negara Malaysia

232 Jalan Tun Razak

50572 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel. : 03-2687 1700

Faks : 03-2694 2490



KANDUNGAN

i	Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah PNM
ii	Prakata
1	Dasar Ekosistem Kondusif Sektor Awam
2	Visi dan Misi Ekosistem Kondusif Sektor Awam PNM
3	Objektif Ekosistem Kondusif Sektor Awam
4	Slogan dan Logo Ekosistem Kondusif Sektor Awam
5	Carta Organisasi Ekosistem Kondusif Sektor Awam <ul style="list-style-type: none">◦ Carta Organisasi Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam◦ Carta Organisasi Jawatankuasa Pelaksana Ekosistem Kondusif Sektor Awam◦ Carta Organisasi Zon Ekosistem Kondusif Sektor Awam
9	Bab 1: Pengenalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam
11	Bab 2: Tujuan Ekosistem Kondusif Sektor Awam
13	Bab 3: Faedah Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam
15	Bab 4: Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam
31	Bab 5: Audit Dalaman Ekosistem Kondusif Sektor Awam
33	Bab 6: Standard Penyeragaman Ekosistem Kondusif Sektor Awam PNM
53	Bab 7: Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam
55	Penutup
57	Lampiran 1
97	Lampiran 2
111	Sumber Rujukan



Kata Alu- Aluan **Ketua Pengarah PNM**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani,

Syukur ke hadrat Illahi, atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, Garis Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) berjaya diterbitkan.

Panduan ini merupakan satu rujukan kepada semua warga PNM ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang kemas, bersih dan tersusun. Seiring dengan langkah-langkah transformasi perkhidmatan awam bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan, terdapat usaha-usaha untuk memantapkan pengurusan pejabat melalui pengenalan Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

Amalan EKSA merujuk kepada pengurusan persekitaran tempat kerja yang lebih seragam dan sistematik. Melalui pelaksanaan Amalan EKSA, ia dapat meningkatkan tahap pengurusan dan penyelenggaraan pejabat ke arah yang lebih baik di samping dapat mengurangkan pembaziran.

Di samping itu, pengamalan EKSA berkait rapat dengan kecekapan dan produktiviti sesebuah organisasi. EKSA diharapkan akan meningkatkan lagi tahap pengurusan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Amalan ini dapat menggalakkan jabatan agensi kerajaan khususnya di Jabatan ini untuk lebih inovatif seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Semoga pelaksanaan EKSA ini dapat memberi impak positif terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Salasiah binti Abdul Wahab
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia



Prakata

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah dan kurnia-Nya, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah berjaya menghasilkan Garis Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

Tujuan garis panduan ini disediakan adalah bagi memberi panduan kepada warga kerja PNM dalam melaksanakan EKSA untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selesa, kondusif dan selamat.

Pengurusan persekitaran kerja yang berkesan ini dapat meningkatkan tahap kecekapan pelaksanaan tugas warga kerja PNM yang sekaligus dapat memberikan nilai tambah kepada PNM. Komitmen dan penglibatan semua warga PNM dalam melaksanakan EKSA mampu membentuk disiplin diri yang baik serta semangat kerja berpasukan yang tinggi.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Pelaksana EKSA yang komited dalam menghasilkan garis panduan ini.

Sekian, terima kasih.

Suhaila binti Abd Rahman
Pengarah
Perkhidmatan Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia



*"Kebersihan merupakan kunci sihat
dan ketenangan jiwa." - Umar bin
Khattab*





DASAR EKSA

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti, produktiviti kerja dan perkhidmatan melalui persekitaran kondusif dan selamat dengan budaya amalan hijau.



VISI & MISI EKSA PNM




VISI

Membudayakan amalan EKSA bagi peningkatan prestasi penyampaian perkhidmatan organisasi yang cemerlang.

MISI

Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, selamat dan amalan hijau secara berterusan melalui aktiviti kreativiti dan inovasi.

OBJEKTIF EKSA

- 1 Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, selamat dan amalan hijau ke arah meningkatkan imej korporat jabatan. 
- 2 Mewujudkan budaya kerja yang ceria dan efektif bagi meningkatkan kreativiti dan inovasi. 
- 3 Meningkatkan motivasi, disiplin diri dan semangat kerja berpasukan yang cemerlang. 



SLOGAN & LOGO EKSA



Keterangan Logo EKSA PNM:

DAUN ✓

Daun melambangkan elemen persekitaran hijau iaitu selaras dengan objektif EKSA.

EJAAN EKSA ✓

Ekosistem Kondusif Sektor Awam.

EJAAN PNM ✓

PNM bermaksud Perpustakaan Negara Malaysia dan mempunyai dua warna iaitu biru dan merah yang melambangkan warna logo rasmi PNM.

Garis Keliling ✓


Melambangkan semangat berpasukan dan bekerjasama.

Slogan ✓

Persekitaran Kondusif, Pekerja Efektif.


Logo dan Slogan EKSA ini telah dicipta oleh Encik Ibnu Ridzwan bin Zulkupli dari Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA) selaku Zon Anggerik bersempena Majlis Pelancaran EKSA dan Gotong-Royong Perdana PNM yang dinobatkan sebagai Johan bagi Pertandingan Mencipta Logo dan Slogan EKSA pada 8 Mac 2021.

CARTA ORGANISASI INDUK EKSA






CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PELAKSANA EKSA





CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA ZON EKSA



A close-up photograph of a hand holding a silver and black pen, poised to write on a calendar. The calendar is a grid with dashed lines and numbers for days of the month. The numbers 6, 7, 12, 13, 18, 19, 20, and 26 are visible. The hand is positioned on the right side of the frame, with the pen tip pointing towards the center. The background is a light-colored calendar page.

*"Getting organized is
a sign of self-respect."
- Gabrielle Bernstein*

Bab 1 **PENGENALAN EKSA**

EKSA telah dilaksanakan bermula pada 2014 oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sebagai inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam dengan mengambil kira keperluan bagi menetengahkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif. Kluster EKSA telah ditubuhkan melalui Jawatankuasa Pemandu Kualiti dan Inovasi Pentadbiran Jabatan/Agensi Sektor Awam Malaysia pada 26 Oktober 2018.

Langkah penjenamaan semula ini difikirkan sesuai dan seiring dengan perubahan dan kehendak semasa untuk meningkatkan prestasi dan daya saing organisasi di samping menyemarakkan lagi budaya kreatif dan inovatif dalam sektor awam termasuk PNM.

Komponen utama dalam pelaksanaan EKSA adalah berteraskan Amalan 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal) dan ditambah baik dengan penambahan beberapa elemen baharu iaitu:

- ✓ Imej Korporat;
- ✓ Kreativiti dan Inovasi;
- ✓ Amalan Hijau;
- ✓ Persekitaran Kondusif; dan
- ✓ Kepelbagaian Agensi.


"Kebersihan itu sebahagian daripada iman" - HR Muslim



Bab 2 TUJUAN EKSA

Panduan ini disediakan sebagai sumber rujukan kepada semua bahagian di PNM dalam melaksanakan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Panduan ini memberi maklumat secara lebih lengkap mengenai konsep EKSA, elemen-elemen baharu yang diperkenalkan, tindakan yang perlu diambil pada setiap peringkat pelaksanaan, kaedah pengauditan yang diguna pakai dan kelayakan serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan pensijilan EKSA daripada MAMPU.

Pelaksanaan EKSA merupakan satu inisiatif bagi menggalakkan warga PNM agar lebih kreatif dan inovatif untuk mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dengan berimej korporat serta menyumbang ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan secara holistik.




*"Organization isn't about perfection.
It's about efficiency, reducing stress,
clutter, saving time and money &
improving your overall quality of life."
- Christina Scalise*

Bab 3

FAEDAH PELAKSANAAN EKSA

Faedah pelaksanaan EKSA adalah seperti berikut:

- ➔ Mewujudkan persekitaran tempat kerja berkualiti (bersih, kemas dan rapi).
- ➔ Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi.
- ➔ Mengenal pasti, mengurang dan menghapuskan pembaziran.
- ➔ Meningkatkan imej jabatan sebagai sektor awam.
- ➔ Menjana idea kreatif dalam kalangan warga jabatan.
- ➔ Meningkatkan semangat kerja berpasukan.
- ➔ Meningkatkan disiplin warga jabatan.
- ➔ Meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.
- ➔ Mewujudkan piawaian kerja yang jelas.

A vibrant field of yellow flowers, likely rapeseed, stretches across the foreground and middle ground. The sky above is a mix of blue, orange, and pink, indicating a sunset or sunrise. The sun is visible on the left side, low on the horizon, casting a warm glow over the scene. The overall atmosphere is peaceful and inspiring.

*"The clean person is not the one
that runs away from dirt but
one who takes the time and effort to
tidy-up a dirty environment"
- Abdulkabir Olatunji*

Bab 4 PELAKSANAAN EKSA

Pelaksanaan EKSA perlu melalui peringkat-peringkat seperti berikut:

- 1 Penubuhan Jawatankuasa Pelaksana EKSA
- 2 Mewujudkan Zon EKSA
- 3 Latihan EKSA
- 4 Pelancaran EKSA



1

Penubuhan Jawatankuasa Pelaksana EKSA

Objektif pembentukan Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA ialah untuk meningkatkan penyertaan semua peringkat warga dan mewujudkan budaya penambahbaikan berterusan serta semangat kerjasama berkumpul ke arah mencapai budaya kerja berprestasi tinggi.

Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa EKSA Perpustakaan Negara Malaysia

JAWATANKUASA INDUK EKSA
<ul style="list-style-type: none"> • Menentukan hala tuju keseluruhan pelaksanaan EKSA.
<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan pelan pelaksanaan dan belanjawan.
<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan panduan pelaksanaan EKSA.
<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti ahli jawatankuasa dan fasilitator EKSA.
<ul style="list-style-type: none"> • Menetapkan sistem pengiktirafan/penghargaan.
<ul style="list-style-type: none"> • Memantau dan menilai kemajuan pelaksanaan.
<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan Audit Dalaman EKSA dilaksanakan secara berkala.
<ul style="list-style-type: none"> • Memantau kemajuan pelaksanaan dengan menggubal <i>standard</i> yang sesuai dengan matlamat EKSA.



JAWATANKUASA PELAKSANA EKSA

- Menyelaras pelaksanaan EKSA.
- Menyediakan dan mengedar minit kepada semua.
- Menyediakan Pelan Pelaksanaan EKSA.
- Menyediakan belanjawan.
- Membantu fasilitator dalam pelaksanaan EKSA.
- Memastikan perjalanan EKSA seperti yang dirancang.
- Mendapat sokongan dan pengiktirafan daripada pihak atasan.
- Memastikan semua zon mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan.
- Membantu membekalkan keperluan pelaksanaan EKSA.
- Menyediakan Laporan Pelaksanaan EKSA secara berkala.
- Memastikan keseragaman pelaksanaan EKSA sebagaimana yang digariskan di peringkat jabatan.
- Membentuk jawatankuasa di peringkat jabatan/bahagian.
- Mengenal pasti zon-zon pelaksanaan EKSA.



JAWATANKUASA PROMOSI EKSA

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi EKSA untuk tempoh 6 hingga 12 bulan.
- Memastikan pelaksanaan pelan promosi ke arah membina kesedaran EKSA kepada semua warga.
- Menganalisis keberkesanan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan.
- Merancang dan memperuntukkan bajet bagi memastikan aktiviti promosi dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancang.
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA dalam kalangan warga kepada Jawatankuasa Induk.

JAWATANKUASA LATIHAN EKSA

- Menyediakan pelan latihan bagi memupuk pemahaman mengenai konsep EKSA kepada semua warga.
- Mengenal pasti latihan yang diperlukan dari semasa ke semasa bagi mengukuhkan aktiviti EKSA serta amalan peningkatan kualiti yang lain.
- Memastikan setiap warga diberi peluang untuk menghadiri latihan.
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti Jawatankuasa Induk.





JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN EKSA

- Menyediakan kriteria Audit Dalaman EKSA.
- Mendapatkan input dan maklum balas daripada Ketua Jabatan/Ketua Unit dan Fasilitator.
- Mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Induk EKSA.
- Menentukan kekerapan aktiviti Audit Dalaman EKSA (pada peringkat awal audit dilaksanakan lebih kerap).
- Menyemak kriteria Audit Dalaman EKSA dari semasa ke semasa mengikut keperluan.
- Melaporkan status pelaksanaan aktiviti kepada Jawatankuasa Induk.



PENYELARAS/SETIAUSAHA/URUS SETIA

- Menjadualkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana EKSA.
- Menyelaras program EKSA sebagaimana yang dirancang.
- Menyediakan dan melaporkan status pelaksanaan EKSA.
- Memantau dan membantu pengurusan aktiviti promosi, latihan dan audit.
- Menghebahkan maklumat terkini pelaksanaan EKSA dalam organisasi.

KETUA ZON

- Merancang dan mengadakan mesyuarat secara berkala bersama ahli kumpulan.
- Menggalakkan semua ahli untuk terlibat dalam pelaksanaan EKSA.
- Membantu memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada ahli kumpulan.
- Memberikan maklum balas/pelaporan mengenai status pelaksanaan EKSA.



AHLI-AHLI ZON

- Memberi komitmen berterusan.
- Menyertai aktiviti EKSA secara aktif.
- Bekerjasama dalam kumpulan.
- Menghadiri mesyuarat dan menyumbang idea bagi menjayakan pelaksanaan EKSA.

FASILITATOR

- Menyelaras pelaksanaan EKSA.
- Menjadi pemudah cara perjalanan program.
- Membantu mengurus aktiviti-aktiviti promosi.
- Menghebahkan maklumat terkini aktiviti pelaksanaan EKSA.
- Memberi latihan dan panduan kepada ketua zon dan ahli.
- Memastikan semua kumpulan mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan.



WARGA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM)

- Bekerjasama dalam kumpulan.
- Melaksanakan tugas yang diagihkan secara aktif.
- Bertanggungjawab untuk mengemas tempat kerja sepanjang masa.
- Mempunyai kesedaran mengenai persekitaran kerja.
- Memberi cadangan penambahbaikan.
- Mewujudkan hubungan harmoni dalam kalangan warga.

2

Mewujudkan Zon EKSA

Tujuannya adalah untuk mewujudkan kawasan tanggungjawab kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan dan pengawasan EKSA.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana EKSA PNM dengan kerjasama penyelaras dan fasilitator EKSA akan menentukan zon yang bersesuaian.

Pembahagian kawasan hendaklah dijelaskan melalui pewujudan pelan lokasi zon bagi memudahkan rujukan.

Penyelarasan dilakukan oleh Ketua Bahagian dan pemantauan dilakukan oleh Ketua-Ketua Zon di bawah penyeliaan Ketua Bahagian.

Antara faktor yang perlu diambil kira dalam pembahagian zon:

- Pembahagian zon adalah mengikut lokasi PNM.
- Mewujudkan sudut EKSA di bahagian sahaja manakala dokumentasi EKSA disediakan di peringkat zon masing-masing.



Sudut EKSA

Sudut EKSA perlu disediakan untuk memberi maklumat terkini berkaitan EKSA kepada warga jabatan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan EKSA.

▶▶ Sudut EKSA setiap zon perlu mengandungi perkara-perkara berikut:


- Nama Zon;
- Dasar, Objektif, Visi dan Misi EKSA;
- Carta Perbatuan (catatan: peringkat zon sahaja);
- Pelan Lantai (catatan: peringkat zon sahaja);
- Carta Organisasi Induk (catatan: peringkat JK Pelaksana sahaja);
- Carta Organisasi Zon (catatan: peringkat zon sahaja);
- Rekod aktiviti (catatan: Pamerkan gambar sebelum dan selepas pelaksanaan sesuatu aktiviti EKSA di zon tersebut serta lengkap bertarikh);
- Logo EKSA PNM;
- Slogan EKSA PNM; dan
- Informasi berkaitan EKSA (catatan: untuk tujuan promosi. Informasi yang dipamer melibatkan makluman/gambar bagi aktiviti seperti gotong-royong, anugerah/penghargaan dan slot Buletin EKSA).

▶▶ Sudut EKSA hendaklah berimej korporat dan sentiasa dikemas kini.

▶▶ Kaedah penyaluran penyampaian adalah secara fizikal dengan menggunakan ruang pejabat (seperti dinding/papan kenyataan) atau secara maya (paparan di televisyen).

- Tarikh kemas kini Sudut EKSA dan lengkap ditandatangani oleh Ketua Zon, perlu dipamerkan.

Contoh Sudut EKSA (yang dipamerkan pada dinding/papan kenyataan) adalah seperti berikut:



Rajah 1: Contoh Sudut EKSA (yang dipamerkan pada dinding/papan kenyataan)

- Bagi sub-zon yang berminat mengadakan sudut khas bagi mempamerkan aktiviti EKSA termasuk gambar sebelum dan selepas, gotong-royong, anugerah, maka sudut tersebut perlu dinamakan sebagai Sudut Informasi EKSA.



Dokumentasi EKSA

Dokumentasi EKSA perlu disediakan untuk memberikan maklumat terkini kepada bahagian bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan EKSA.

➤ Dokumentasi EKSA perlu mengandungi perkara-perkara berikut:

URUS SETIA INDUK	URUS SETIA ZON
Dasar EKSA	Dasar EKSA
Garis Panduan EKSA PNM	Garis Panduan EKSA PNM
Carta Organisasi Induk	Carta Organisasi Zon
Carta Perbatuan	Carta Perbatuan
Pelan Lantai	Pelan Lantai
Rekod Minit Mesyuarat/Perbincangan	Rekod Minit Mesyuarat/Perbincangan
Gambar Pelancaran EKSA	-
Gambar Aktiviti	Gambar Aktiviti
Gambar Sebelum dan Selepas	Gambar Sebelum dan Selepas
Laporan Jawatankuasa (Audit/Promosi/Latihan)	Laporan Jawatankuasa (Audit/Promosi/Latihan) sekiranya bersesuaian
Lampiran	Lampiran



JAWATANKUASA INDUK		
JAWATANKUASA PROMOSI	JAWATANKUASA LATIHAN	JAWATANKUASA AUDIT
Dasar EKSA	Dasar EKSA	Dasar EKSA
Carta Organisasi Induk	Carta Organisasi Induk	Carta Organisasi Induk
Carta Organisasi JK Promosi Induk	Carta Organisasi JK Latihan Induk	Carta Organisasi JK Audit Induk
Carta Perbatuan	Carta Perbatuan	Carta Perbatuan
Rekod Minit Mesyuarat/ Perbincangan	Rekod Minit Mesyuarat/ Perbincangan	Rekod Minit Mesyuarat/ Perbincangan
Laporan Promosi	Laporan Latihan	Laporan Audit
Gambar Aktiviti	Gambar Aktiviti	Gambar Aktiviti
Lampiran	Lampiran	Lampiran



JAWATANKUASA ZON		
JAWATANKUASA PROMOSI	JAWATANKUASA LATIHAN	JAWATANKUASA AUDIT
Dasar EKSA	Dasar EKSA	Dasar EKSA
Carta Organisasi Bahagian/Zon	Carta Organisasi Bahagian/Zon	Carta Organisasi Bahagian/Zon
Carta Organisasi JK Promosi Zon	Carta Organisasi JK Latihan Zon	Carta Organisasi JK Audit Zon
Carta Perbatuan	Carta Perbatuan	Carta Perbatuan
Rekod Minit Mesyuarat/Perbincangan	Rekod Minit Mesyuarat/Perbincangan	Rekod Minit Mesyuarat/Perbincangan
Laporan Promosi	Laporan Latihan	Laporan Audit
Gambar Aktiviti	Gambar Aktiviti	Gambar Aktiviti
Lampiran	Lampiran	Lampiran

3

Latihan EKSA

Tujuan latihan EKSA adalah untuk mendalami pengetahuan berkaitan EKSA di samping untuk membudayakan EKSA kepada warga jabatan.

Di antara latihan/program yang perlu diikuti bagi meningkatkan kefahaman adalah seperti berikut:

- Program Kesedaran EKSA;
- Kaedah Amalan dan Pelaksanaan EKSA; dan
- Audit Dalaman EKSA.
 - Audit Dalaman EKSA perlu dilaksanakan di jabatan sebagai penilaian sendiri pelaksanaan EKSA. Audit Dalaman ini perlu dijadualkan secara berkala untuk memastikan setiap zon membuat penambahbaikan secara berterusan.
 - Tatacara Audit Dalaman.



4

Pelancaran EKSA

Tujuannya adalah untuk mewujudkan kawasan tanggungjawab kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan dan pengawasan EKSA.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana EKSA PNM dengan kerjasama penyelaras dan fasilitator EKSA akan menentukan zon yang bersesuaian.

Pembahagian kawasan hendaklah dijelaskan melalui pewujudan pelan lokasi zon bagi memudahkan rujukan.

Pelaksanaan Program

- Melaksanakan inovasi/amalan terbaik (best practices) dan kreativiti yang boleh meningkatkan produktiviti dan kualiti warga kerja.
- Melaksanakan program/usaha kitar semula.
- Melaksanakan program pengiktirafan tenaga kerja/sumber.
- Melaksanakan program pengiktirafan/penghargaan EKSA seperti berikut:
 - Zon Terbaik;
 - Ruang Kerja Terbaik;
 - Anugerah Amalan Hijau Terbaik;
 - Bahagian Terbaik;
 - Hasil Kreativiti Terbaik;
 - Tandas Terbaik; dan
 - Bilik Terbaik.

Bab 5 AUDIT DALAMAN EKSA

Audit Dalaman EKSA perlu dilaksanakan secara sendiri oleh semua bahagian/unit di bawah PNM. Audit Dalaman ini perlu dijadualkan secara berkala bagi memastikan setiap bahagian/unit membuat penambahbaikan secara berterusan dalam memastikan EKSA sentiasa diamalkan dengan jayanya.

Audit Dalaman hendaklah dilaksanakan oleh juruaudit yang dilantik oleh PNM. Langkah yang terlibat adalah seperti berikut:

Langkah 1: Membentuk Pasukan Audit

- ✓ Jawatankuasa Pelaksana EKSA perlu mengenal pasti, melatih dan melantik juruaudit untuk melaksanakan aktiviti Audit Dalaman EKSA.
- ✓ Jawatankuasa Pelaksana juga perlu menyediakan kriteria Audit Dalaman EKSA dan menentukan kekerapan aktiviti Audit Dalaman EKSA.

Langkah 2: Latihan Audit EKSA

- ✓ Pasukan Audit Dalaman hendaklah diberi latihan untuk memastikan pengauditan EKSA dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.



Langkah 3: Mengaudit Prestasi EKSA

- ✔ Pasukan Audit Dalamn EKSA akan menjalankan audit seperti yang dijadualkan oleh Jawatankuasa Pelaksana.

Langkah 4: Mengumumkan Penemuan Audit

- ✔ Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalamn EKSA hendaklah melaporkan penemuan audit kepada Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana EKSA.
- ✔ Penemuan hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan dan semua warga PNM.

Bab 6

STANDARD PENYERAGAMAN EKSA PNM

PNM melaksanakan tatacara pelaksanaan EKSA mengikut ruang/persekitaran kerja. Berikut adalah contoh-contoh pelaksanaan EKSA yang dipraktikkan di PNM.

KOMPONEN A (Komponen Generik)	
Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
Dasar EKSA	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan garis panduan selaras dengan Dasar EKSA Jabatan. • Menyebar Dasar dan Garis Panduan EKSA serta memastikan semua warga kerja memahaminya. • Memastikan EKSA diamalkan dan dipatuhi oleh semua warga Jabatan. • Memastikan dokumentasi berkaitan pelaksanaan EKSA disusun dengan teratur dan sentiasa dikemas kini termasuk perkara seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Minit mesyuarat; ▪ Surat lantikan Jawatankuasa; dan ▪ Laporan aktiviti Jawatankuasa. • Mewujudkan keseragaman pelaksanaan EKSA seperti ketetapan Jabatan/garis panduan yang dibangunkan oleh Jabatan.



Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan dan memaparkan SUDUT EKSA di tempat yang strategik (secara maya atau fizikal) dan mengandungi perkara seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Dasar EKSA Jabatan; ▪ Carta organisasi; ▪ Gambar aktiviti SEBELUM dan SELEPAS; ▪ Pelan lantai; ▪ Carta Perbatuan semasa; ▪ Informasi/hebahan; dan ▪ Tarikh kemas kini sudut EKSA. • Memastikan maklumat dan bahan yang dipaparkan sentiasa dikemaskini dan dalam keadaan baik.
<p>Jawatankuasa Pelaksana EKSA</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membentuk dan melantik Jawatankuasa Pelaksana EKSA yang terdiri sekurang-kurangnya tiga Jawatankuasa seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jawatankuasa Latihan; ▪ Jawatankuasa Promosi; dan ▪ Jawatankuasa Audit. • Melantik fasilitator terlatih sebagai pakar rujuk pelaksanaan EKSA. • Merancang dan melaksana program/aktiviti EKSA secara berkala seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyedia dan mengemaskini carta perbatuan aktiviti; ▪ Menyebar maklumat latihan, promosi dan audit; dan ▪ Melaksana program pengayaan ilmu.
<p>Penglibatan Pengurusan Atasan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan pengurusan atasan sebagai Penaung/penasihat EKSA. • Melibatkan pengurusan atasan dalam aktiviti EKSA seperti program kesedaran/pendedahan dan lawatan. • Membentang dan melaporkan pelaksanaan aktiviti EKSA dalam mesyuarat pengurusan.

Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
<p>Penilaian Kendiri (Self Assessment)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksana Audit Pematuhan/Audit Dalaman secara berterusan sama ada oleh jawatankuasa dalaman atau agensi luar/lain sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. • Menyebarkan hasil/laporan Audit Dalaman untuk makluman dan tindakan susulan warga Jabatan. • Mengemukakan laporan Penilaian Kendiri kepada MAMPU selepas setahun menerima pensijilan (hanya untuk pensijilan semula).
<p>Pengiktirafan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan program pengiktirafan EKSA di peringkat Jabatan seperti contoh anugerah seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> ▪ Zon Terbaik; ▪ Bilik Terbaik; ▪ Bahagian Terbaik; ▪ Ruang Kerja Terbaik; ▪ Tandas Terbaik; ▪ Hasil kreativiti terbaik; dan ▪ Anugerah Go Green terbaik. • Menerima pengiktirafan dan ditanda aras sama ada di peringkat Jabatan/Daerah/Negeri/Kebangsaan atau lain-lain. • Menyebarkan dan mempamerkan maklumat mengenai program pengiktirafan kepada semua warga Jabatan.
<p>Pembudayaan Kreativiti dan Inovasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan inovasi/amalan baik (Best Practice) yang boleh meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja warga. • Melaksanakan program kreativiti dan inovasi seperti contoh berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kreativiti mengguna barangan terpakai; ▪ Barang terpakai untuk hiasan; dan ▪ Hiasan/kegunaan EKSA.



Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
Tindakan Penjimatan/ <i>Go Green</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan program penjimatan tenaga/ sumber secara menyeluruh seperti contoh berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Notis/arahan penjimatan tenaga; ▪ Penggunaan lampu/peralatan jimat tenaga (save energy); ▪ Penetapan suhu optimum; ▪ Penjimatan kertas; ▪ Penjimatan air; dan ▪ Kempen hijau. • Melaksanakan program/usaha kitar semula pada peringkat Jabatan. • Menyediakan analisis penjimatan, contohnya: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kos; ▪ Masa; ▪ Tenaga Pekerja; dan ▪ Ruang.

KOMPONEN B (Ruang Tempat Kerja/Pejabat)	
Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
<u>FIZIKAL:</u> Lantai	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan lantai memenuhi kriteria seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Selamat dan tidak licin; ▪ Tiada kekotoran/sampah di lantai; ▪ Tidak berlubang/pecah atau rosak; dan ▪ Tong sampah disediakan. • Menyediakan program pemantauan dan memastikan jadual pembersihan dipatuhi.
<u>FIZIKAL:</u> Dinding dan Siling	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan dinding dan siling bersih daripada kekotoran dan dalam keadaan baik. • Menyediakan hiasan yang bersesuaian dan selaras dengan imej korporat.
<u>FIZIKAL:</u> Lampu dan Soket	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan semua lampu bersih, berfungsi dan dalam keadaan baik. • Memastikan soket elektrik berfungsi dan dalam keadaan baik.
<u>KEPERLUAN UMUM:</u> Susun Atur Peralatan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyeragamkan susunan laci meja/kekaki boleh gerak (mobile pedestal). • Memastikan peralatan kerja di ruang kerja/kubikel dalam keadaan teratur dan kemas seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Komputer; ▪ Dulang (Tray) Keluar/Masuk; ▪ Fail; ▪ Perhiasan tidak keterlaluan; dan ▪ Kedudukan laci.



Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
<p>KEPERLUAN UMUM: Keadaan Peralatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyusun alat tulis dengan kemas dan teratur di atas meja/dulang (tray)/dalam laci. • Memastikan semua peralatan dalam keadaan baik dan boleh digunakan. • Memastikan tanda/label bersesuaian bagi barang yang disimpan dalam ruang tertentu/laci. • Memastikan semua peralatan bebas daripada debu, bersih dan kemas. • Mempamerkan tatacara penggunaan untuk peralatan guna sama (yang bersesuaian). • Mempamerkan arahan/notis bagi memastikan peralatan disusun kemas.
<p>KEPERLUAN UMUM: Pelabelan dan Papan Tanda/Tanda Arah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan tanda nama pegawai/kakitangan pada bilik atau kubikel yang seragam. • Menyediakan label yang bersesuaian dan seragam bagi menunjukkan seksyen/unit. • Menggunakan papan tanda/tanda arah dengan tulisan yang sesuai, jelas dan mudah dibaca. • Meletakkan papan tanda/tanda arah pada kedudukan strategik dan mudah dilihat.
<p>KEPERLUAN UMUM: Perhiasan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan perhiasan yang minimum dan selaras dengan imej korporat. • Memastikan perhiasan yang digunakan tidak berdebu dan dalam keadaan baik.

Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
<p><u>KEPERLUAN UMUM:</u> Keperluan Umum</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyedia dan memaparkan pelan lantai di bilik/ruang guna sama yang mudah dilihat. • Menyediakan dan memaparkan pelan lampu di bilik/ruang guna sama yang mudah dilihat (sekiranya melebihi dua suis). • Memaparkan Senarai Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-7) di dalam semua bilik/ruang. • Melantik Pegawai Bertanggungjawab atau Person-in-Charge (PIC) bagi setiap ruang/bilik guna sama berserta nombor telefon untuk dihubungi. • Menyediakan dan memaparkan etika/tatacara penggunaan bilik guna sama dengan jelas. • Merencanakan inisiatif/tindakan proaktif pembaikan sekiranya berlaku kerosakan dengan segera (jika ada).
<p><u>RUANG KERJA:</u> Meja Kerja Warga/ Kubikel Kerja</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan meja kerja kemas dan peralatan disusun dengan baik. • Menyediakan perhiasan yang minimum dan selaras dengan imej korporat.
<p><u>RUANG KERJA:</u> Bilik Pegawai</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan meja kerja kemas dan peralatan disusun dengan baik. • Memastikan susunan perabot kemas. • Menyediakan perhiasan yang minimum dan selaras dengan imej korporat.



Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
<p><u>RUANG KERJA:</u> Stor Peralatan Pejabat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan stor memenuhi kriteria seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bersih; ▪ Tidak berdebu; ▪ Tersusun; ▪ Kemas; dan ▪ Selamat. • Menyediakan sistem rekod inventori yang jelas dan teratur bagi memudahkan capaian barangan dengan cepat dan pantas. • Menyediakan label pada setiap ruang letak barang/bahan. • Menyediakan etika penggunaan dan peraturan pengambilan barangan dari stor untuk dipatuhi warga kerja. • Menyediakan kad inventori stok dengan maklumat yang sentiasa dikemas kini. • Memastikan tiada bahan/peralatan yang tidak diperlukan turut disimpan di dalam stor. • Menyediakan penanda aras minimum barang dalam stor.
<p><u>RUANG KERJA:</u> Bilik Fail</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan bilik fail memenuhi kriteria seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bersih; ▪ Tidak berdebu; ▪ Tersusun; ▪ Kemas; dan ▪ Selamat. • Memastikan peralatan, kabinet dan rak berada dalam keadaan teratur, baik dan kemas. • Memastikan fail disusun kemas dengan teknik susunan yang berkesan bagi memudahkan carian/capaian dalam tempoh 30 saat. • Menyediakan senarai indeks dan nombor fail. • Menyediakan label yang jelas dan mudah dilihat pada setiap fail/dokumen yang mengandungi: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tajuk fail; dan ▪ Nombor susunan fail. • Menyediakan sistem kawalan dan pergerakan fail untuk semua kategori fail aktif/fail tidak aktif/fail tutup.

Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
<p><u>RUANG KERJA:</u> Sudut Informasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan sudut informasi memenuhi kriteria seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bersih; ▪ Tidak berdebu; ▪ Tersusun; ▪ Kemas; dan ▪ Selamat. • Memastikan peralatan, kabinet dan rak berada dalam keadaan teratur, baik dan kemas.
<p><u>RUANG KERJA:</u> Bilik Pemandu</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan bilik pemandu memenuhi kriteria seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bersih; ▪ Tidak berdebu; ▪ Tersusun; ▪ Kemas; dan ▪ Selamat. • Memastikan peralatan, kabinet dan rak berada dalam keadaan teratur, baik dan kemas.
<p><u>RUANG KERJA:</u> Bilik Pelayan (Server)/ Terperingkat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan bilik pelayan (server)/terperingkat memenuhi kriteria yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bersih; ▪ Tidak berdebu; ▪ Tersusun; ▪ Kemas; dan ▪ Selamat.



KOMPONEN C (Tempat Umum)	
Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
Lobi Utama/Ruang Hadapan	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan persekitaran lobi utama/ruang hadapan sentiasa bersih, kemas, ceria dan selaras dengan imej korporat. • Mempamerkan maklumat korporat berkaitan Jabatan yang terkini seperti contoh seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Visi; ▪ Misi; ▪ Carta Organisasi; ▪ Objektif Kualiti; dan ▪ Piagam Pelanggan. • Menyediakan perkara di lobi utama seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Direktori pegawai; ▪ Sudut informasi untuk pelanggan; ▪ Perhiasan yang bersesuaian dengan imej korporat; dan ▪ Pelan Lokasi.
Kaunter Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan kaunter utama berimej korporat dan memenuhi kriteria seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sistem maklum balas pelanggan; ▪ Direktori warga PNM; ▪ Borang-borang/brosur berkaitan; ▪ Bahan bacaan/informasi; ▪ Info Maklumat mengenai Jabatan/piagam pelanggan; dan ▪ Maklumat kadar bayaran (sekiranya ada). • Memastikan kaunter sentiasa bersih, kemas dan ceria. • Memastikan usaha <i>delighting the customer</i> seperti persekitaran yang kondusif dan kemudahan sokongan dilaksanakan. • Menyediakan perkhidmatan yang mesra pelanggan. • Menyedia dan memaparkan carta aliran perkhidmatan yang dikemas kini.

Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
Ruang Menunggu	<ul style="list-style-type: none"> • Menyedia dan memastikan sofa/tempat duduk dan bahan bacaan dalam keadaan baik, bersih, teratur dan ceria selaras dengan imej korporat. • Memastikan semua peralatan dan hiasan dalam keadaan bersih, kemas dan teratur. • Menyediakan tong sampah yang bersesuaian dan mencukupi.
Laluan Utama/Koridor	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan susunan peralatan atau hiasan sepanjang laluan kemas, bersih dan teratur. • Memastikan tiada halangan di semua laluan dan pintu kecemasan. • Menyediakan laluan OKU yang selamat dan mempunyai tanda arah dengan jelas.
Bilik Mesyuarat/Bilik Perbincangan	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan semua peralatan seperti kerusi, meja, mikrofon, skrin komputer, projektor berada dalam keadaan baik. • Memastikan persekitaran bilik mesyuarat/bilik perbincangan bersih, kemas dan selamat.
Sudut Bacaan	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan sudut bacaan bersih, kemas dan teratur selaras dengan imej korporat. • Memastikan susunan perabot kemas. • Menyediakan dan memaparkan peraturan/etika penggunaan sudut bacaan.



Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
Surau/Bilik Solat	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan barang-barang/peralatan yang berikut dalam keadaan baik, boleh digunakan dan dalam keadaan bersih seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Telekung/Kain Pelekat; ▪ Sejadah; dan ▪ Penyidai sejadah/telekung. • Menyediakan kemudahan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tanda arah kiblat; ▪ Rak menyimpan al-Quran dan bahan bacaan; ▪ Tempat letak/rak kasut; dan ▪ Selipar. • Memastikan al-Quran/bahan bacaan sentiasa kemas dan dalam keadaan baik. • Memastikan surau/bilik solat sentiasa bersih, teratur, kemas dan selesa. • Memastikan surau tidak berbau (bau yang menyenangkan). • Menyediakan jadual penyelenggaraan.
Lif	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan lif berada dalam keadaan baik, bersih dan berfungsi. • Menyediakan maklumat pegawai untuk dihubungi sekiranya berlaku kecemasan. • Memaparkan nama bahagian/seksyen bagi setiap aras dengan jelas. • Memaparkan sijil Perakuan Mesin Angkat (PMA) yang mengesahkan penyelenggaraan lif secara berkala.
Pantri/Tempat Minum	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan peralatan berada dalam keadaan baik, tersusun dan boleh digunakan. • Memastikan pantri bersih, tidak berdebu dan dalam keadaan terurus.



Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
Tandas	<ul style="list-style-type: none">• Memastikan persekitaran tandas bersih dan kering.• Mempunyai sistem pengudaraan yang baik.• Memastikan peralatan tandas berfungsi dengan baik.• Memaparkan jadual pembersihan dan sentiasa dikemaskini oleh pekerja am.• Memaparkan etika dan peraturan penggunaan tandas dengan jelas (mengikut kesesuaian).• Menyediakan peralatan tambahan seperti berikut:<ul style="list-style-type: none">▪ Cecair pencuci tangan;▪ Tisu tangan;▪ Bakul sampah/Tong sanitari;▪ Cermin muka; dan▪ Bahan pewangi.• Menyediakan tandas OKU dan berfungsi dengan baik.



KOMPONEN D (Keselamatan Persekitaran)	
Tempat/Kriteria	Penyeragaman EKSA (Kekemasan dan Kebersihan)
Pelan Tindakan Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan yang mengandungi perkara seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Arahan Keselamatan; ▪ Latihan pengungsian bangunan, iaitu Latihan Kebakaran (fire-drill); ▪ Tanda Amaran; ▪ Pelan laluan kecemasan dan tempat berkumpul; dan ▪ Tanda arah laluan kecemasan. • Menyediakan lampu kecemasan yang mudah dilihat, berfungsi dengan baik dan tiada halangan.
